

# Pekerja kolar biru dilayan setaraf kolar putih - Dr. M

29 OCT 1988

**K**UALA LUMPUR 28 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata para pekerja kolar biru yang berjaya menghasilkan barangan yang bermutu dalam proses industrialisasi negara mesti dilayan sekurang-kurangnya sama dengan pekerja kolar putih dari segi gaji, peluang naik pangkat dan lain-lain keistimewaan.

Serentak dengan itu Perdana Menteri mahu semua graduan lulusan ijazah pertama menggunakan pengetahuan mereka secara praktikal dan hanya diberi peluang untuk naik pangkat lebih tinggi setelah ilmunya jelas berguna dan mampu menghasilkan sesuatu setelah beberapa tahun berlalu.

Ringkasnya, tegas beliau, pendidikan hendaklah diadakan dengan tujuan penggunaan ilmu secara praktikal supaya proses industrialisasi negara dapat ditingkatkan.

Beliau berkata, dalam usaha ini, ijazah tidak harus dinilai secara automatik sebaliknya yang tidak berijazah tetapi nyata cekap dan berpengalaman akan mendapat peluang untuk naik pangkat dan gaji yang sama dengan yang berijazah.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapannya ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO 1988 di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "penghargaan juga perlu diberi kepada para pekerja kolar biru. Pekerja - pekerja kolar biru yang menghasilkan ba-

Laporan oleh

**Rosli Ismail, Badrol Hisham Aziz,  
Kamal Zailani, Rozaid Abdul  
Rahman, Aziz Ishak, Mahani  
Othman dan Hassan Mohd. Noor**

JURUGAMBAR

SYED AGIL JAAFAR, SHAARI AMIN, HAYAT SUEET,  
NAZERI ABU BAKAR, ZAKARIA NOOR DAN HUSSEIN  
IBRAHIM

rangan, membina atau mencipta sesuatu atau membaiki alatan dengan cekap tidak boleh dianggap kurang penting."

Menurutnya, jika Malaysia ingin maju terutama dalam bidang pengurusan dan pembuatan apa yang dihasilkan daripada kerja yang dibuat amatlah mustahak dan hasil kerja perlu diberi tempat yang tinggi dalam sesuatu penilaian.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak mahu terlalu ramai yang mengejar ilmu hanya untuk mengembangkan ilmu itu secara teori sahaja.

"Kita tidak mahu jurutera yang berkolar putih, yang duduk dalam bilik berhawa dingin dan berfungsi sebagai pentadbir.

"Kita tidak mahu para profesional yang mengejar ijazah seumur hidup tanpa menggunakan pengetahuannya dalam kehidupan diri dan masyarakat," katanya.

Menurutnya, dalam sesebuah negara yang pesat membangun, belajar kerana semata-mata ingin belajar tidak harus mendapat penilaian tinggi jika dibandingkan dengan belajar dengan tujuan menggunakan ilmu pengetahuan bagi kemajuan masyarakat dan negara.

## Diberi peluang

"Yang kita kehendaki ialah mereka yang lulus ijazah pertama akan menggunakan pengetahuan itu secara praktikal. Setelah jelas ilmunya berguna dan ia mampu menghasilkan sesuatu dan setelah beberapa tahun berlalu, barulah ia harus diberi peluang mengejar ijazah yang lebih tinggi.

"Selepas itu sekali lagi ilmu yang diperolehi digunakan secara praktikal. Hanya setelah seseorang itu terlatih dalam jurusan tertentu mempunyai pengalaman yang luas dan umurnya meningkat barulah seseorang itu diberi tempat sebagai pentadbir atau pengembang ilmu," katanya.

Beliau menambah, sebagai pentadbir mereka akan dapat tempat dan peluang sama dengan pentadbir lain.

Perdana Menteri berkata, "dalam usaha membangunkan bangsa dan negara, pendidikan memainkan peranan yang amat penting. Dalam hal ini, peranan pendidikan perlu dikaji dari semasa ke semasa dan tekanan diberi kepada kaitan ilmu yang dipelajari dengan kerja yang akan dilaksanakan.

Menurutnya, "ijazah dari institusi pengajian tinggi tidak bermakna semua kerja boleh dibuat oleh pemegangnya.